

ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD- PRIVACY NOTICE FOR SHAREHOLDERS

Effective Date: 22 November 2024

Last Reviewed: 15 April 2025

1. **WHAT IS THIS NOTICE?** Please read this privacy notice (the "**Privacy Notice**") carefully to understand ASTRO's policies and practices regarding the Personal Data provided by its shareholders. The Personal Data Protection Act 2010 (the "**Act**") was introduced to regulate the processing of Personal Data in commercial transactions. The Act, which applies to all companies and firms that are established in Malaysia, requires Us to inform you of your rights in respect of Personal Data provided by you.
2. **WHAT IS PERSONAL DATA?** "**Personal Data**" refers to information that relates directly or indirectly to individuals, which can be used to identify the individual on its own or in combination with other data that We collect or have access to.
3. **WHO ARE WE?** Any reference in this Privacy Notice to "ASTRO", "We", and "Us" shall mean Astro Malaysia Holdings Berhad (201101004392 (932533-V)) and, as applicable, any of its subsidiaries and related companies as defined in the Companies Act 2016.
4. **WHAT PERSONAL DATA MIGHT WE COLLECT FROM YOU?** The Personal Data that ASTRO may collect from you will vary depending on how you interact and engage with ASTRO. For example, it may include:
 - (a) your name, MyKad or passport number, and contact details (including your postal address, email address and phone number); and
 - (b) such other information that may be necessary for ASTRO's legitimate business purposes or as required by applicable legal requirements.
5. **WHAT ARE THE SOURCES OF PERSONAL DATA PROVIDED BY YOU?**
 - (a) We may obtain Personal Data from you directly when you comply with your obligations and responsibilities pursuant to this agreement;
 - (b) Other than Personal Data obtained from you, We may also obtain your Personal Data from third parties We deal with or are connected with you and from other sources where you have given your consent for the disclosure of Personal Data, and/or where otherwise lawfully permitted.
6. **HOW MIGHT WE USE PERSONAL DATA PROVIDED BY YOU?**
 - (a) We may use and process Personal Data provided by you for any of the following purposes (together the "**Purposes**"):
 - (i) to send notice of the annual general meeting ("**AGM**") and/or an extraordinary general meeting ("**EGM**");
 - (ii) to send the annual report and circular to shareholders;
 - (iii) to pay dividends;
 - (iv) to verify the appointment of proxies upon receipt of proxy forms;
 - (v) to verify attendance of shareholders and/or proxies at the AGM and/or an EGM;
 - (vi) for shareholders analysis;

- (vii) to communicate with you;
- (viii) to respond to your enquiries;
- (ix) to provide you with information on the products and services of ASTRO and its business partners; and/or
- (x) such other purposes as required pursuant to applicable laws, listing rules, regulations and guidelines (the "**Applicable Rules**").

(b) By remaining a shareholder of ASTRO and by providing the Personal Data, you are deemed to have given your consent to the processing and use of the Personal Data for the Purposes. Please note that it is necessary for ASTRO to process your Personal Data for the Purposes, without which ASTRO will not be able to comply with its legal, regulatory and operational requirements relating to your shareholding.

7. WHO DO WE SHARE THE PERSONAL DATA WITH?

- (a) We may disclose Personal Data provided by you to third party companies, organisations, professional advisors and/or service providers to carry out any of the Purposes as set out in this Privacy Notice.
- (b) We may also disclose Personal Data provided by you to various government bodies and agencies to meet our legal and regulatory obligations and to law enforcement agencies for the purpose of preventing and/or detecting crime, or for the purpose of investigations and/or the apprehension or prosecution of offenders and/or protection of national security and/or any purpose that is required or authorized by or under any law or by any order or judgment of a court.
- (c) If required for any of the Purposes, Personal Data provided by you may be transferred to locations outside Malaysia. Save for the foregoing, the Personal Data will not be knowingly transferred to any place outside Malaysia or be knowingly disclosed to any third party.

- 8. WHAT MEASURES DO WE TAKE TO PROTECT THE PERSONAL DATA?** We take these measures to protect Personal Data provided by you by ensuring that:
- (a) the Personal Data is kept as required by the Act;
 - (b) ASTRO's staff do not misuse the Personal Data; and
 - (c) any appointed suppliers and service providers who process any of the Personal Data perform in accordance with the terms of their contract with ASTRO.

- 9. HOW LONG DO WE KEEP THE PERSONAL DATA FOR?** We will maintain Personal Data provided by you in our business records for so long as you remain a shareholder in ASTRO. We will also maintain the Personal Data for a period of time after you are no longer a shareholder if the Personal Data remains necessary for the Purposes.

- 10. WHAT COMMITMENTS DO YOU GIVE IN RESPECT OF THE PERSONAL DATA YOU PROVIDE?** You are responsible for providing accurate and complete information to us about yourself and any other person whose Personal Data you provide us with and for updating this Personal Data as and when it becomes incorrect or out of date.

- 11. WHAT ARE YOUR RIGHTS IN RESPECT OF THE PERSONAL DATA YOU PROVIDE?** You may at any time contact your broker, ASTRO's Share Registrar or Company Secretary via registered post or

email as set out in Section 14 below to make enquiries or raise complaints about the processing of the Personal Data and you may request in writing to (i) access the Personal Data, (ii) withdraw your consent from ASTRO processing the Personal Data, (iii) limit the processing by ASTRO of the Personal Data (to the extent permitted under Applicable Rules) and/or (iv) request the correction of the Personal Data where you are of the opinion that such Personal Data held by Us is inaccurate, incomplete, misleading or, where relevant, not up-to-date.

12. **UPDATES TO THIS PRIVACY NOTICE:** This Privacy Notice may be amended by Us at any time from time to time. Any amendment to this Privacy Notice shall be published on ASTRO's websites or by other means as We deem fit. Your continued ownership of ASTRO shares and disclosure of Personal Data under Section 5 shall be deemed to be your agreement to the said amendment of this Privacy Notice.
13. **PROXIES AND REPRESENTATIVES:** If you have appointed a proxy and/or representative to attend, speak and vote at ASTRO's AGM, EGM and/or any adjournment thereof (a "**Shareholders' Meeting**"), their Personal Data will be processed by ASTRO for the administration of the Shareholders' Meeting and related purposes, such as the preparation and compilation of the attendance lists, minutes and other related documents in order for ASTRO to comply with any Applicable Rules.
14. **OUR CONTACT DETAILS:** Should you have any queries (including to limit the processing of the Personal Data), concerns or complaints in relation to this Privacy Notice, you may contact the following:

(a) ASTRO's Company Secretary

Liew Wei Yee Sharon
Astro Malaysia Holdings Berhad
All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia,
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi,
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia
Email : astrocosec@astro.com.my
Telephone: +603-9543 6688

(b) ASTRO's Share Registrar

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd
11th Floor Menara Symphony
No.5 Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Email : bsr.helpdesk@boardroomlimited.com
Telephone: +603-7840 4700

ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD - NOTIS PRIVASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

Tarikh Berkuatkuasa: 22 November 2024

Semakan Terakhir: 15 April 2025

1. **APAKAH NOTIS INI?** Sila baca notis privasi ini ("**Notis Privasi**") dengan teliti untuk memahami dasar dan amalan ASTRO berkenaan Data Peribadi yang diberikan oleh pemegang sahamnya. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**") telah diperkenalkan untuk mengawal selia pemrosesan Data Peribadi dalam transaksi komersial. Akta tersebut, yang terpakai bagi semua syarikat dan firma yang ditubuhkan di Malaysia, memerlukan Kami untuk memaklumkan anda mengenai hak anda berkenaan dengan Data Peribadi yang anda berikan.
2. **APAKAH DATA PERIBADI? "Data Peribadi"** merujuk kepada maklumat yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan individu, yang boleh digunakan untuk mengenal pasti individu tersebut secara bersendirian atau bersama-sama dengan data lain yang Kami kumpul atau mempunyai akses kepadanya.
3. **SIAPA KAMI?** Sebarang rujukan dalam Notis Privasi ini kepada "ASTRO" dan "Kami" bermaksud Astro Malaysia Holdings Berhad (201101004392 (932533-V)) dan, mengikut mana yang berkenaan, mana-mana subsidiari dan syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016.
4. **APAKAH DATA PERIBADI YANG MUNGKIN KAMI KUMPULKAN DARIPADA ANDA?** Data Peribadi yang mungkin dikumpul oleh ASTRO daripada anda akan berbeza-beza bergantung pada cara anda berinteraksi dan berhubung dengan ASTRO. Sebagai contoh, ia mungkin termasuk:
 - (a) nama anda, MyKad atau nombor pasport, dan butiran untuk berhubung (termasuk alamat pos, alamat e-mel dan nombor telefon anda); dan
 - (b) maklumat lain yang mungkin diperlukan untuk tujuan urusan sah ASTRO atau seperti yang dikehendaki oleh keperluan undang-undang yang berkenaan.
5. **APAKAH SUMBER DATA PERIBADI YANG ANDA BERIKAN?**
 - (a) Kami mungkin mendapatkan Data Peribadi daripada anda secara langsung apabila anda mematuhi kewajipan dan tanggungjawab anda menurut perjanjian ini;
 - (b) Selain daripada Data Peribadi yang diperoleh daripada anda, Kami juga mungkin mendapatkan Data Peribadi anda daripada pihak ketiga yang Kami berurusan dengan atau berhubung dengan anda dan daripada sumber lain di mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk pendedahan Data Peribadi, dan/atau jika sebaliknya dibenarkan secara sah.
6. **BAGAIMANA MUNGKIN KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI YANG ANDA BERIKAN?**
 - (a) Kami mungkin menggunakan dan memproses Data Peribadi yang anda berikan untuk mana-mana tujuan berikut (bersama-sama "**Tujuan**"):
 - i. untuk menghantar notis mesyuarat agung tahunan ("**AGM**") dan/atau mesyuarat agung luar biasa ("**EGM**");
 - ii. untuk menghantar laporan tahunan dan pekeliling kepada pemegang saham;

- iii. untuk membayar dividen;
 - iv. untuk mengesahkan pelantikan proksi apabila menerima borang proksi;
 - v. untuk mengesahkan kehadiran pemegang saham dan/atau proksi pada AGM dan/atau EGM;
 - vi. untuk analisis pemegang saham;
 - vii. untuk berkomunikasi dengan anda;
 - viii. untuk menjawab pertanyaan anda;
 - ix. untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan ASTRO dan rakan kongsi perniagaannya; dan/atau
 - x. apa-apa tujuan lain yang dikehendaki menurut undang-undang yang terpakai, peraturan penyelarai, peraturan dan garis panduan ("**Peraturan Berkenaan**").
- (b) Dengan kekal sebagai pemegang saham ASTRO dan dengan menyediakan Data Peribadi, anda dianggap telah memberikan persetujuan anda untuk pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi untuk Tujuan. Sila ambil perhatian bahawa ASTRO perlu memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan, tanpanya ASTRO tidak akan dapat mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan operasinya yang berkaitan dengan pegangan saham anda.

7. DENGAN SIAPA KAMI KONGSIKAN DATA PERIBADI?

- (a) Kami mungkin mendedahkan Data Peribadi yang anda berikan kepada syarikat pihak ketiga, organisasi, penasihat profesional dan/atau pembekal perkhidmatan untuk melaksanakan mana-mana Tujuan seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.
- (b) Kami juga mungkin mendedahkan Data Peribadi yang anda berikan kepada pelbagai badan dan agensi kerajaan untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia kami dan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang bagi tujuan mencegah dan/atau mengesan jenayah, atau untuk tujuan penyiasatan dan/atau penahanan atau pendakwaan pesalah dan/atau perlindungan keselamatan negara dan/atau apa-apa tujuan yang dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau oleh mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah.
- (c) Jika diperlukan untuk mana-mana Tujuan, Data Peribadi yang anda berikan boleh dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia. Kecuali perkara di atas, Data Peribadi tidak akan dipindahkan secara sengaja ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau didedahkan secara sengaja kepada mana-mana pihak ketiga.

8. APAKAH LANGKAH YANG KAMI AMBIL UNTUK MELINDUNGI DATA PERIBADI? Kami mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi Data Peribadi yang anda berikan dengan memastikan bahawa:

- (a) Data Peribadi disimpan seperti yang dikehendaki oleh Akta;
- (b) Kakitangan ASTRO tidak menyalahgunakan Data Peribadi; dan
- (c) mana-mana pembekal dan penyedia perkhidmatan yang dilantik yang memproses mana-mana Data Peribadi melaksanakannya mengikut terma kontrak mereka dengan ASTRO.

9. BERAPA LAMA KAMI MENYIMPAN DATA PERIBADI? Kami akan mengekalkan Data Peribadi yang anda berikan dalam rekod perniagaan kami selagi mana anda kekal sebagai pemegang saham dalam ASTRO. Kami juga akan mengekalkan Data Peribadi untuk satu tempoh masa selepas anda bukan lagi pemegang saham jika Data Peribadi kekal diperlukan untuk Tujuan.

10. APAKAH KOMITMEN YANG ANDA BERIKAN BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI YANG ANDA BERIKAN? Anda bertanggungjawab untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada

kami mengenai diri anda dan mana-mana orang lain yang Data Peribadinya anda berikan kepada kami dan untuk mengemas kini Data Peribadi tersebut apabila ia menjadi tidak betul atau lapuk.

11. **APAKAH HAK ANDA BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI YANG ANDA BERIKAN?** Anda boleh pada bila-bila masa menghubungi broker anda, Pendaftar Saham atau Setiausaha Syarikat ASTRO melalui pos berdaftar atau e-mel seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 14 di bawah untuk membuat pertanyaan atau mengemukakan aduan mengenai pemprosesan Data Peribadi dan anda boleh memohon secara bertulis untuk (i) mengakses Data Peribadi, (ii) menarik balik persetujuan anda daripada ASTRO memproses Data Peribadi, (iii) mengehadkan pemprosesan Data Peribadi oleh ASTRO (setakat yang dibenarkan di bawah Peraturan Berkenaan) dan/atau (iv) meminta pembetulan Data Peribadi di mana anda berpendapat bahawa Data Peribadi tersebut yang dipegang oleh Kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau, jika berkaitan, tidak terkini.
12. **KEMASKINI KEPADA NOTIS PRIVASI INI:** Notis Privasi ini boleh dipinda oleh Kami pada bila-bila masa dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan kepada Notis Privasi ini hendaklah diterbitkan di laman web ASTRO atau melalui cara lain yang Kami anggap sesuai. Pemilikan berterusan anda akan saham ASTRO dan pendedahan Data Peribadi di bawah Seksyen 5 akan dianggap sebagai persetujuan anda terhadap pindaan Notis Privasi ini.
13. **PROKSI DAN WAKIL:** Jika anda telah melantik proksi dan/atau wakil untuk menghadiri, bercakap dan mengundi pada AGM, EGM ASTRO dan/atau sebarang penangguhannya ("**Mesyuarat Pemegang Saham**"), Data Peribadi mereka akan diproses oleh ASTRO untuk pentadbiran Mesyuarat Pemegang Saham dan tujuan berkaitan, seperti penyediaan dan penyusunan senarai kehadiran, minit dan dokumen lain yang berkaitan agar ASTRO dapat mematuhi mana-mana Peraturan Berkenaan.
14. **BUTIRAN UNTUK MENGHUBUNGI KAMI:** Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan (termasuk untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi), kebimbangan atau aduan berkaitan Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi:

(a) Setiausaha Syarikat ASTRO

Liew Wei Yee Sharon
Astro Malaysia Holdings Berhad
All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia
E-mel : astrocosec@astro.com.my
Telefon: +603-9543 6688

(b) Pendaftar Saham ASTRO

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd
11th Floor Menara Symphony
No.5 Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

E-mel : bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

Telefon: +603-7840 4700